

SOALAN NO: 24

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

**DARIPADA : Dato' Mansor bin Othman [Nibong
Tebal]**

TARIKH : 21 Mac 2017 (Selasa)

**SOALAN : Dato' Mansor bin Othman minta
MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:**

status pelaksanaan Program
Agropreneur Muda yang dibentangkan
oleh Kerajaan dalam bajet 2016.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah melaksanakan Program Agropreneur Muda bagi melahir dan membangunkan belia dalam sektor pertanian dan industri asas tani. Bantuan yang diberikan adalah geran berbentuk barang (in-kind contribution) kepada belia layak serta latihan / kursus teknikal serta pengurusan kewangan termasuk penyediaan kertas rancangan perniagaan.

Status pelaksanaan Program Agropreneur Muda bagi tahun 2016 adalah seperti berikut:

- i. Mensasarkan seramai 1,000 belia dengan peruntukan RM20 juta;
- ii. Seramai 3,088 belia telah berdaftar di bawah program ini dan seramai 1,034 belia telah menerima bantuan geran;
- iii. Daripada jumlah ini, 43.2% belia telah beroleh pendapatan melebihi RM3,000 sebulan;
- iv. Sebanyak 75 siri program promosi ke seluruh negara dilaksanakan; dan
- v. Seramai 1,686 belia telah mengikuti latihan / kursus teknikal yang dianjurkan oleh Kementerian.